

Keusahawanan Sebagai Kerjaya Pilihan Graduan Universiti



Oleh: Nur Alya Zikraa Abdullah

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 5 Jun 2021

Graduan universiti digalakkan untuk mencipta kerjaya sendiri dengan menceburi bidang keusahawanan. Pada masa yang sama, kerajaan juga berhasrat ingin mewujudkan golongan usahawan yang berdaya kreatif dan inovatif di negara ini.



Gambar Hiasan

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan kerajaan untuk menggalakkan golongan graduan menceburi bidang perniagaan seperti menganjurkan kursus asas keusahawanan dan pelbagai program berkaitan.

Institusi pengajian tinggi seharusnya mengadakan aktiviti yang berkaitan dengan keusahawanan seperti memperkenalkan cara berniaga yang betul melalui modul keusahawanan.

Pihak universiti juga boleh mengadakan aktiviti jualan secara kecil-kecilan seperti membuka gerai makanan, baju, buku, kek dan sebagainya. Hal ini boleh menyebabkan minat seseorang pelajar terhadap bidang keusahawanan menjadi lebih mendalam.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Madya Dr Mohd Rushdan Jailani berkata, kursus keusahawanan wajar didedahkan kepada pelajar sebagai persediaan selepas mereka menamatkan pengajian.

Katanya, bagi menghadapi cabaran akan datang, siswazah tidak seharusnya bertindak sebagai pencari pekerjaan. Sebaliknya, mereka pula yang mewujudkan peluang pekerjaan.

Segelintir graduan sudah berkecimpung dalam bidang keusahawanan kerana sejak awal lagi berikutan latar belakang keluarga yang berniaga. Dalam hal ini, jelas bahawa keluarga menjadi pendorong untuk anak-anak mereka terlibat dalam bidang perniagaan sejak dari kecil.

Terdapat banyak manfaat jika seseorang itu melibatkan diri dalam bidang keusahawanan seperti menjana pendapatan bagi diri sendiri dan keluarga, meningkatkan kualiti kehidupan, menghasilkan produk baharu, menjadi sumber inspirasi dan menyumbang sebahagian pendapatan kepada masyarakat.

Islam turut menekankan tentang kebaikan berniaga dan menjadi usahawan. Buktinya, Islam mengiktiraf keusahawanan sebagai salah satu daripada cabang ibadah yang membentuk 90 peratus daripada sumber rezeki.

Selain itu, bidang keusahawanan dapat memberikan motivasi kepada para usahawan termasuk kepuasan diri serta mengenali orang lain sama ada yang berada di dalam atau luar negara,

Mereka yang berkecimpung dalam bidang keusahawanan juga dapat mengasah kemahiran berkomunikasi dengan orang ramai selain melontarkan dan berkongsi idea dengan seluruh masyarakat.

Pembangunan negara, khususnya dari segi ekonomi, bergantung kepada usaha rakyat mengejar peluang-peluang ekonomi. Secara jelas, keusahawanan boleh menyumbang kepada pembangunan.

Implikasi pembangunan adalah kehidupan yang selesa. Rezeki yang mencukupi dan berlebihan seterusnya menyumbang ke arah kehidupan dan kemakmuran bersama.

Sebaik-baiknya, graduan yang berminat untuk bergiat dalam bidang keusahawanan memilih cabang perniagaan yang mereka minati dan menyeronokkan serta menguntungkan mereka di dunia dan di akhirat.